

Penyelesaian lebih lancar tahun depan

➔ Mahkamah Tinggi, Rendah Syariah pastikan setiap perintah dikeluarkan dilaksanakan dengan sempurna



Kita berhasrat mempercepatkan proses itu dan berharap ia akan terlaksana seperti yang dirancang”

*Mujahid Yusof Rawa,
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri*

Oleh Hidayatul Akmal
Ahmad dan Siti Nur
Zawani Miscon
cnews@nstp.com.my

✦ Petaling Jaya

Kerajaan bakal menubuhkan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah Syariah bahagian tuntutan nafkah dan hadhanah awal tahun depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa berkata, penubuhan mahkamah itu khusus bagi menangani isu tuntutan nafkah yang tertunggak.

“Saya sudah berbincang dengan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan satu kertas kerja sudah dibentangkan.

“Kita berhasrat mempercepatkan proses itu dan berharap ia akan terlaksana seperti yang dirancang,” katanya kepada media ketika ditemui di Sri Pentas, di sini, semalam.

Kedua-dua mahkamah ini juga bertanggungjawab memas-

tikan setiap perintah dikeluarkan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dilaksanakan dengan sempurna menerusi saluran Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah berpandukan undang-undang sedia ada.

Guna mekanisme baharu

Mujahid berkata, kerajaan turut menggunakan mekanisme baharu iaitu hiwalah atau pindahan bagi menyelesaikan isu bekas suami liat bayar nafkah walaupun sudah mendapat perintah mahkamah.

“Hiwalah adalah pemindahan atau pengalihan hak menuntut pembayaran hutang dari satu pihak kepada pihak yang lain.

“Jika bekas suami masih enggan membayar nafkah dia berhak menggunakan pihak ketiga seperti bank untuk menyelesaikannya.

“Contohnya, jika suami ada simpanan di bank atau AmanahRaya, maka pihak yang menuntut boleh ambil hak suami dari pihak ketiga untuk dibayar pada isteri,” katanya.